

23

**SOALAN NO: 17**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]**

**TARIKH : 25 Oktober 2017**

**SOALAN : PR-1353-L03091**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan **pusat pengumpulan mini hasil pertanian** di kawasan-kawasan tertentu khususnya di kawasan pendalaman Sabah bagi memudahkan petani memasarkan hasil pertanian mereka yang sekali gus dapat membantu meningkatkan taraf sosioekonomi para petani di kawasan berkenaan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan FAMA telah membangunkan 49 Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) di Sabah dengan nilai kendalian sehingga Oktober 2017 adalah sebanyak RM6 juta. Pada tahun 2017, 2 buah pusat sedang dalam pembinaan iaitu di Keningau dan Kinabatangan serta 6 buah pusat lagi telah dirancang pada tahun 2018 iaitu di Semporna, Sandakan, Tenom dan Tawau.

Memandangkan buat masa ini PPL menjalankan fungsi sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian, Kementerian belum bercadang untuk membangunkan pusat pengumpulan mini hasil pertanian yang baharu di Sabah.